

UTUSAN MALAYSIA 29/09/2016

## Mengukuhkan persahabatan melalui Sukmalindo

**KUALA TERENGGANU 28 Sept.**

- Indonesia mengungguli Kejohanan Sukan Persahabatan Atlet Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan Indonesia (Sukmalindo) Ke-9 di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini baru-baru ini.

Kontinjen negara itu memenangi tiga daripada lima kategori yang dipertandingkan iaitu acara badminton berpasukan campuran, bola tampar wanita dan futsal lelaki.

Dalam kejohanan yang menghimpunkan seramai 174 atlet dari kedua-dua negara, kontinjen Malaysia pula menjuarai sepak takraw berpasukan campuran serta memanah campuran.

Kontinjen Malaysia diwakili atlet UniSZA, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

Timbalan Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Nik Wan Omar berkata, kejohanan yang diadakan dari 22 hingga 25 September lalu itu merupakan sebahagian daripada tradisi perhubungan warga institusi pengajian tinggi

dua negara berjiran.

"Dengan adanya program sebegini, di medan sukan juga, saya yakin pemimpin universiti akan menjadi pemimpin muda yang memahami kepentingan menjaga hubungan antara dua negara," katanya kepada pemberita selepas majlis penutup Sukmalindo di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama serta Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi, Tony Azman Hassan.

Katanya, selaku tuan rumah, UniSZA berharap penganjuran program itu berjaya mencapai matlamatnya dalam merapatkan hubungan Malaysia-Indonesia apabila saling mengenali, menerapkan nilai persahabatan dan toleransi serta bersaing secara sihat di bidang sukan.

"Menerusi platform ini kita juga dapat memperkukuhkan jalinan antara kedua-dua negara dalam aspek pendidikan, teknologi sukan dan kebudayaan," ujarnya.

Sementara itu, menurut Nik Wan, selain sukan, pelbagai program dijalankan UniSZA untuk mengeratkan lagi hubungan pelajar Malaysia-Indonesia termasuklah melalui program sukarelawan dan kebudayaan.